# Latihan 1

Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.

**Soalan 1** berdasarkan gambar di bawah.



1 Pak Karim menebang pokok itu dengan se__________ kapak yang tajam.
   **A** bilah
   **B** buah
   **C** batang
   **D** butir

2 Saya terjumpa se_______ jam tangan yang cantik di dalam bilik itu.
   **A** biji
   **B** utas
   **C** bentuk
   **D** butir

3 Encik Samad mempunyai se__________ tanah yang luasnya dua puluh hektar di kampung itu.
   **A** baris
   **B** buah
   **C** bidang
   **D** carik

**Soalan 4** berdasarkan gambar di bawah.



4 Di bandar itu, terdapat banyak _______ bangunan pencakar langit.
   **A** blok
   **B** bongkah
   **C** angkatan
   **D** bidang

**Soalan 5** berdasarkan gambar di bawah.



5 Kak Salmah memberikan beberapa __________ gula-gula kepada adiknya.
   **A** biji
   **B** cebis
   **C** bungkus
   **D** buah



LIVEWORKSHEETS

6 Saya membeli enam __________ telur dari kedai runcit.

**A** biji

**B** baris

**C** buah

**D** bentuk

7 Karim sedang memanggang lima belas __________ sate untuk pelanggannya.

**A** gugus

**B** biji

**C** cucuk

**D** batang

8 Di kedai itu, hanya tinggal beberapa __________ tikar sahaja.

**A** buku

**B** baris

**C** bidang

**D** batang

**Soalan 9** berdasarkan gambar di bawah.



9 Di tepi perhentian bas itu terdapat se__________ tiang lampu.

**A** bilah

**B** buah

**C** baris

**D** batang

10 Mei Mei menjerit kerana terduduk di atas se__________ jarum.

**A** buku

**B** cebis

**C** bilah

**D** butir

11 Dua __________ kerusi di bahagian hadapan tempat duduk itu dikhaskan untuk tetamu jemputan.

**A** bilah

**B** batang

**C** bentuk

**D** baris

12 Pak Leman pulang dari ladang



LIVEWORKSHEETS

dengan menjunjung se__________ kayu api.

**A** bilah
**B** buah
**C** berkas
**D** buku

**Soalan 13** berdasarkan gambar di bawah.



13 Mak Tijah memasukkan se__________ garam ke dalam masakannya.

**A** cubit
**B** biji
**C** cucuk
**D** cekak

14 Puan Maisarah membeli beberapa __________ benang emas untuk membuat tekat pada cadar baldu itu.

**A** biji
**B** buku
**C** butir
**D** cekak

15 Dua __________ keris tersilang pada dinding rumah Encik Hamid.

**A** bilah
**B** biji
**C** baris
**D** batang

16 "Berapakah harga se_____ buah kelapa ini?" tanya Pak Budin sambil menunjuk ke arah longgokan kelapa di tepi jalan itu.

**A** butir
**B** biji
**C** colek
**D** buah

17 Puan Barhah membeli beberapa __________ coklat untuk membuat gubahan yang ditempah oleh pelanggannya.

**A** biji
**B** cubit
**C** bungkus
**D** bongkah

18 Maznah mengambil se_______ perca kain untuk menampal kainnya yang koyak.

**A** bungkus
**B** colek
**C** carik
**D** bidang



LIVEWORKSHEETS

19 Pak Andak mengasah dua __________ pisau sehingga tajam.

**A** batang
**B** bilah
**C** cucuk
**D** cubit

20 Dia begitu kenyang setelah menghabiskan se________ durian.

**A** biji
**B** baris
**C** buah
**D** bongkah

21 Masih terdapat beberapa ___________ tanah sawah di kampung saya yang tidak diusahakan.

**A** buah
**B** baris
**C** bentuk
**D** bidang

22 Tukang masak itu memasukkan se_________ serbuk perasa ke dalam kari ayam itu untuk menyedapkan rasanya.

**A** cucuk
**B** cubit
**C** bungkus
**D** carik

**Soalan 23** berdasarkan gambar di bawah.



23 Aidil membaling beberapa ___________ guli ke dalam sungai.

**A** biji
**B** buah
**C** butir
**D** batang

24 Pak Haron mempunyai se___________ tanah yang luasnya tiga hektar.

**A** blok
**B** baris
**C** bidang
**D** batang

25 Se_________ cincin berlian itu berharga RM2,000.

**A** cebis
**B** bongkah
**C** colek
**D** bentuk



LIVEWORKSHEETS

**Soalan 26** berdasarkan gambar di bawah.



26 Gajah sedang mengangkat se__________ kayu balak menggunakan belalainya.

**A** buah
**B** batang
**C** bongkah
**D** butir

27 Banjir kilat telah menyebabkan beberapa __________ jalan raya terpaksa ditutup.

**A** buah
**B** blok
**C** batang
**D** baris

**Soalan 28** berdasarkan gambar di bawah.



28 Se__________ tentera udara itu sedang menjalani latihan payung terjun.

**A** baris
**B** angkatan
**C** berkas
**D** buku

29 Dua __________ tayar keretanya terpaksa ditukar kerana sudah haus.

**A** biji
**B** butir
**C** buah
**D** bentuk

30 Hasliza membeli se______ sabun di kedai Pak Mail.

**A** buah
**B** buku
**C** biji
**D** berkas



LIVEWORKSHEETS

LIVEWORKSHEETS